

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)  
DEWAN RAKYAT

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' MANSOR BIN OTHMAN (NIBONG TEBAL)**

**SOALAN :**

Dato' Mansor bin Othman (Nibong Tebal) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan projek-projek yang dilaksanakan oleh Yayasan Waqaf Malaysia dalam usaha memperkasakan umat Islam semenjak Yayasan ini ditubuhkan.

**JAWAPAN: YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Semenjak penubuhannya pada 23 Julai 2008, Yayasan Waqaf Malaysia telah melaksana dan menguruskan beberapa projek pembangunan fizikal di bawah program projek kecil berimpak besar seperti berikut, iaitu:-

- pembangunan 79 projek Bazar Wakaf Rakyat dan Wakaf Mart;
- pembangunan Akademi Kuliner Terengganu;
- pengurusan Hotel Wakaf yang dibangunkan di bawah peruntukan Rancangan Malaysia Kesembilan melalui Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR); dan
- pembelian aset-aset kuota Bumiputera di lokasi strategik untuk dijadikan sebagai aset wakaf Majlis Agama Islam Negeri.

Sekian, terima kasih.